



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 5/2022**

**INDEKS LOT-LOT**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

### Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

### Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 5/2022**

**Indeks Lot**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah berhubung keperluan untuk menyenggara indeks lot-lot di Pejabat Tanah.

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Didapati bahawa kaedah penyenggaraan indeks lot-lot di Pejabat Tanah adalah bagi setiap mukim, pekan dan bandar. Rekod indeks lot-lot tersebut adalah dinyatakan seperti contoh ini:-

No. Lot	Hakmilik dan Lain-lain
226	E126, E1,520; S.L.
227	M.C. 126, M.L.400; S.L.; E1,200.
228	G.456 C.T.1,200.
229	E200; dipecahkan kepada lot-lot 1,231 dan 1,232.
230	E210; S.L.; rizab no. Warta 2400/25.
231	E 250; dimasukkan ke dalam Lot 1,240.

3. Penyenggaraan rekod seperti butiran-butiran seperti di atas hendaklah diteruskan bagi memastikan rujukan sejarah hak milik bagi setiap lot dan kedudukan lot pada sesuatu masa. Catatan-catatan ke dalam rekod ini hendaklah dibuat sebaik sahaja pendaftaran dokumen hak milik hasil kelulusan permohonan pelupusan tanah atau permohonan pembangunan tanah, pemberitahuan perizaban disiarkan, rampasan dan pengembalian tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri, penyerahan balik tanah, pengambilan tanah atau kemaraan laut atau sungai dikuat kuasakan.

4. Pentadbir Tanah adalah dinasihati untuk menyenggara rekod indeks lot untuk setiap mukim, pekan dan bandar bagi memastikan ketepatan data dalam suatu buku rekod atau secara digital yang mana difikirkan suai manfaat dalam membantu pengurusan pejabat tersebut.

## **PEMBATALAN**

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 15 Tahun 1977 (Disemak 2009) bertajuk Indeks Lot-lot dengan ini adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 31.5.2022